



SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

**MAJLIS PELANCARAN  
KEMPEN JUALAN NASIONAL MALAYSIA 2017**

**KUALA LUMPUR, 1 Mac 2017** – Kempen jualan tahunan Malaysia bagi tahun 2017 telah dimulakan dengan pelancaran Kempen Jualan Nasional Malaysia di Suria KLCC di sini, hari ini.

Kempen yang berlangsung di seluruh negara ini diadakan tiga kali setahun dan merangkumi Jualan Super 1Malaysia (1-31 Mac), Karnival Jualan Mega 1Malaysia (15 Jun-31 Ogos) dan Jualan Akhir Tahun 1Malaysia (1 November-31 Disember).

Kempen tahunan yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia melalui Secretariat Shopping Malaysia ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan pihak Kerajaan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi beli-belah utama yang bertaraf dunia.

Kempen Jualan Nasional Malaysia ini telah dilancarkan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz. Turut hadir di majlis pelancaran tersebut ialah 15 pengamal media dari Indonesia, Brunei, Thailand, India, China, dan Vietnam. Mereka merupakan para peserta *Tourism Malaysia Mega Familiarisation Programme* yang berlangsung selama tiga hari iaitu dari 28 Februari hingga 3 Mac 2017.

Dalam ucapannya, Dato' Seri Mohamed Nazri berkata, "Sektor pelancongan Malaysia telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan dengan pertumbuhan positif daripada segi jumlah ketibaan dan perbelanjaan pelancong pada tahun 2016. Malaysia telah menerima sebanyak 26,757,392 orang pelancong pada tahun 2016 yang kebanyakannya datang dari Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, China dan Arab Saudi, menyaksikan pertumbuhan sebanyak 4% berbanding tahun 2015."

"Sementara itu, pendapatan pelancong pada tahun 2016 ialah sebanyak RM82.1 bilion, meningkat 18.8% berbanding RM69.1 bilion pada tahun 2015. Perbelanjaan membeli-belah pelancong pula mencecah RM26 bilion, meningkat 20.3% berbanding RM21.6 bilion pada tahun 2015. Ini menjadikannya penyumbang terbesar kepada jumlah perbelanjaan pelancong, sekali gus meletakkan beli-belah sebagai sektor yang penting dalam industri pelancongan Malaysia," ujarnya sambil menambah bahawa kadar tukaran mata wang terkini telah memberi kelebihan kepada para pelancong asing membeli-belah di Malaysia kerana harganya yang sangat berpatutan.

**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA**

(KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA)

Aras 9, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya  
Tel : 03-88918000 Rasmi: [malaysia.travel](http://malaysia.travel); Korporat: [tourism.gov.my](http://tourism.gov.my)  
Facebook: [friendofmalaysia](https://www.facebook.com/friendofmalaysia); Twitter: [tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); Blog: [blog.tourism.gov.my](https://blog.tourism.gov.my)



Jenama beli-belah Malaysia berteraskan konsep “Experiential Shopping”, yang mempromosikan Malaysia sebagai destinasi beli-belah yang menyeronokkan, dan dilengkapi dengan pelbagai aktiviti hiburan dan rekreasi, kembara gastronomi, rawatan kesihatan yang mewah, serta lawatan ke tempat-tempat pelancongan yang popular. Ia berjaya dilaksanakan hasil sokongan lebih daripada 500 premis beli-belah bersepadu dan kedai-kedai perniagaan runcit di seluruh negara yang jumlahnya kian meningkat setiap tahun. Hab runcit dan gaya hidup baharu yang akan dibuka pada tahun ini termasuklah KL Gateway Mall di Kuala Lumpur dan Genting Premium Outlets di Genting Highlands, yang akan merangsang aktiviti membeli-belah di Malaysia.

#### PERTANDINGAN SHOP, SNAP & WIN!

Tanggal 1 Mac merupakan ulang tahun pertama ikon beli-belah Malaysia iaitu Miss SHOPhia. Sejak kemunculan buat pertama kalinya pada bulan Mac tahun lepas, Miss SHOPhia telah memberi sepenuh perhatian kepada peranannya sebagai teman beli-belah terbaik dengan memberikan informasi terkini tentang fesyen, makanan, gajet dan berita-berita serta acara-acara berkaitan kepada para pencinta fesyen dan para pembeli-belah di seluruh dunia melalui platform media sosialnya.

Dia juga telah membuat penampilan cameo dalam video-video tular dan iklan-iklan televisyen untuk mempromosikan aktiviti beli-belah di Malaysia. “Kehadiran” Miss SHOPhia telah mendapat pengiktirafan antarabangsa baru-baru ini apabila Tourism Malaysia telah dianugerahkan “The Most Favourite Promotional Activity – Miss SHOPhia pada majlis anugerah U Travel Magazine Award 2016 di Hong Kong.

Bersempena dengan ulang tahun pertama ikon beli-belah tersebut, orang ramai (18 tahun ke atas) dijemput untuk menyertai pertandingan dalam talian “SHOP, SNAP & WIN!” yang menawarkan percutian menarik dan hadiah-hadiah yang lumayan tajaan Suria KLCC, Starhill Gallery, Pavilion KL, Fahrenheit88, IOI City Mall Putrajaya dan IBC Tours Sdn Bhd. Pertandingan ini akan bermula dari hari ini hingga 31 Mac 2017. Untuk menyertainya, setiap peserta dikehendaki untuk:-

1. Berbelanja di pusat beli-belah kegemaran atau membeli barang berjenama yang diminati.
2. Ambil gambar anda seorang ataupun bersama keluarga dan teman-teman berserta dengan barang yang dibeli di hadapan tempat anda berbelanja.
3. Lengkapkan kapsyen gambar “Saya suka membeli-belah di Malaysia kerana...” (tidak lebih daripada 20 patah perkataan).
4. Muat naik gambar tersebut berserta kapsyen yang lengkap ke Facebook Miss SHOPhia dan tag #MalaysiaSuperSale2017, #MissShophia dan lokasi pusat beli-belah tersebut.

#### LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA)

Aras 9, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya  
Tel : 03-88918000 Rasmi: [malaysia.travel](http://malaysia.travel); Korporat: [tourism.gov.my](http://tourism.gov.my)  
Facebook: [friendofmalaysia](https://www.facebook.com/friendofmalaysia); Twitter: [@tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); Blog: [blog.tourism.gov.my](http://blog.tourism.gov.my)



Gambar dengan jumlah “Like” terbanyak dan kapsyen yang paling kreatif berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah yang ditawarkan.

Untuk maklumat lanjut:-

Laman Web: [missphobia.malaysia.travel](http://missphobia.malaysia.travel)

Facebook: [facebook.com/missphobia](https://facebook.com/missphobia)

Instagram:@miss\_shophia

#### TENTANG MISS SHOPHIA

- Wanita kosmopolitan Malaysia berusia 30-an. Berdarah kacukan.
- Mendapat pendidikan di Malaysia dan di luar negara dalam jurusan Seni Kontemporari dan Reka Bentuk dengan *minor* dalam Pengajian Sosial.
- Seorang penulis dan pengembara
- Mahir tentang aliran fesyen, dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini dunia gajet dan senireka.
- Menggemari makanan tempatan dan antarabangsa.
- Seorang yang sangat menitikberatkan kesihatan dengan bersenam secara kerap dan menggemari pelbagai sukan lasak seperti berbasikal, “trekking”, pemanduan “off-road” dan selam skuba.
- Menyenangi kehadiran ahli keluarga dan teman-teman ketika mengembara, membeli-belah dan mencuba makanan baharu.
- Mempunyai dua ekor kucing.

#### FAKTA RINGKAS

1. Beli-belah merupakan salah satu sektor yang paling lumayan dalam industri pelancongan Malaysia. Sektor ini telah dimasukkan di bawah Bidang Ekonomi Negara (NKEA) dengan 12 Projek Permulaan (EPPs). Tiga daripada EPP tersebut adalah berkaitan sektor beli-belah iaitu:

- EEP1: Menempatkan Malaysia sebagai sebuah destinasi beli-belah bebas cukai.
- Menjadikan kawasan beli-belah yang rancak seperti Bandar Utama, Bandar Sunway, Subang Jaya, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Georgetown, Johor Bahru, Sabah dan Sarawak sebagai zon beli-belah tambahan.
- EPP3: Memperkenalkan gedung outlet premium yang baharu iaitu Johor Premium Outlet, Mitsui Premium Outlet, Free Port A Famosa Outlet dan Genting Premium Outlet.

2. Pada tahun 2015, buat pertama kalinya sektor beli-belah telah mengatasi sektor penginapan, sekali gus menjadi penyumbang terbesar kepada perbelanjaan pelancong di Malaysia.

#### **LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA**

(KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA)

Aras 9, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya  
Tel : 03-88918000 Rasmi: [malaysia.travel](http://malaysia.travel); Korporat: [tourism.gov.my](http://tourism.gov.my)  
Facebook: [friendofmalaysia](https://facebook.com/friendofmalaysia); Twitter: [tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); Blog: [blog.tourism.gov.my](https://blog.tourism.gov.my)



3. Malaysia mempunyai lebih daripada 500 pusat beli-belah di seluruh negara termasuk tiga daripadanya yang tersenarai dalam 10 pusat beli-belah terbesar di dunia iaitu 1Utama, Mid Valley Megamall dan Sunway Pyramid (kesemuanya terletak di Lembah Kelang).

TAMAT

*Untuk mendapatkan siaran akhbar, media info dan artikel berkaitan industri pelancongan di Malaysia, sila lawati Pusat Media di laman web Tourism Malaysia di <http://www.tourism.gov.my/>*

**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA ATAU TOURISM MALAYSIA** ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Ia memberi tumpuan kepada tugas khusus iaitu mempromosi Malaysia sebagai destinasi percutian pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah membangun dengan pesatnya dan telah muncul sebagai pemain utama dalam dunia pelancongan antarabangsa. Pada 2015, Malaysia telah mencatatkan kedatangan seramai 25.7 juta orang pelancong asing dengan pendapatan pelancong sebanyak RM69.1 bilion, sekali gus meletakkannya dalam kalangan destinasi pelancongan utama dunia.

**Hubungi:**

**Unit Perhubungan Media:**

Mohd Libra Lee Haniff, Timbalan Pengarah, Bahagian Komunikasi Korporat

Tel: +603-8891 8752

Emel: [mohdlibra@tourism.gov.my](mailto:mohdlibra@tourism.gov.my)

**Unit Editorial:**

Puan Anis Rozalina Ramli, Senior Editor, Bahagian Komunikasi Korporat

Tel: +603-8891 8759

Emel: [anisramli@tourism.gov.my](mailto:anisramli@tourism.gov.my)

**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA**

(KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA)

Aras 9, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya

Tel : 03-88918000 Rasmi: [malaysia.travel](http://malaysia.travel); Korporat: [tourism.gov.my](http://tourism.gov.my)

Facebook: [friendofmalaysia](https://www.facebook.com/friendofmalaysia); Twitter: [tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); Blog: [Blog: blog.tourism.gov.my](https://blog.tourism.gov.my)